



## BAKTI SISWA

# Platform UTeM Dekati Masyarakat

26 Jun 2011 : UTeM meneruskan melaksanakan tanggungjawab sosial dalam membangunkan masyarakat sekeliling melalui program berteraskan interaksi melibatkan penyertaan mahasiswa dan mahasiswi daripada pelbagai latarbelakang.

Terbaru UTeM telah mengadakan program Bakti Siswa bertemakan 'UTeM Attack' bertempat di Taman Mawar Pasir Gudang, Johor Bahru yang telah diadakan bermula pada 23 Julai dan berakhir hari ini.

Program Bakti Siswa ini turut diselitkan dengan penganjuran Karnival Pengajian Teknikal dan Teknologi melibatkan wakil daripada fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTj) dari universiti ini yang telah membuka tapak pameran.

Menerusi karnival ini, orang ramai dapat meluangkan masa dan mengenali UTeM secara lebih dekat lagi. Orang ramai dan penduduk sekitar Taman Mawar tidak melepaskan peluang mendengar taklimat dan melihat sendiri pameran produk penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM yang telah meraih pelbagai anugerah dan pingat dalam pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Karnival Pengajian Teknikal ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. Di dalam ucapan beliau berkata, universiti sememangnya berperanan dalam membangunkan masyarakat di samping fungsi utamanya dalam melahirkan graduan.

Dengan adanya jalinan dan hubungan seperti program 'Bakti Siswa' ini mahasiswa turut berpeluang berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama dengan ahli masyarakat setempat.

Manakala Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan pula berkata, program sebegini merupakan satu platform yang dapat digunakan oleh mahasiswa untuk mengembangkan bakat dan kemahiran insaniah mereka kerana ianya menjadi medium interaksi antara mahasiswa bersama dengan masyarakat.

Tambah beliau lagi program ini juga berjaya membentuk semangat perpaduan, pemuafakatan dan mewujudkan jalinan silaturrahim yang lebih konkrit antara pihak UTeM dengan masyarakat sekeliling.

Antara pengisian bagi program Bakti Siswa selama empat hari di sini ialah seperti program anak angkat, sukaneka, riadah futsal, siswa 'membanting tulang' serta kenduri seperjiran.

### KANDUNGAN

Bakti Siswa Platform UTeM Dekati Masyarakat | Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat Tuan Yang Terutama | UTeM Terima Pengiktirafan Sebagai Ipt Pertama Bebas Asap Rokok | Naib Canselor Ketua Cabaran Tawan Gunung Kinabalu | Pelajar Sekolah Rasai Pengalaman Istimewa Di Planetarium Melaka | UTeM Jadi Hos Seminar Persatuan Badan Berkanun | UTeM Dan Lotus Engineering Teroka Peluang Penyelidikan Bersama | FTMK Laksana Csr Bantu Anak Yatim Dalam ICT | Gabungan Kepakaran FKM Dan Perodua Hasilkan Kenderaan Jimat Petrol | Pelajar Siswazah Lawat Infineon Technologies Kulim | Beliau Diseru Mantapkan Ilmu Agar Tidak Dipergunakan | UTeM Naib Johan Liga Bola Sepak IPT Kebangsaan Piala Menteri Pengajian Tinggi | Pesta Sungai Melaka 2011 Dimeriahkan Dengan Penganjuran Festival Nasyid | Lawatan Ilmiah Ke Songkhla Thailand Giatkan Program Mobiliti Pelajar | Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2011 | UTeM Jadi Pilihan Golongan Profesional Lanjutkan Pengajian | UTeM Jadi Venue Acara Berbasikal Lasak Waktu Malam Terbesar Di Malaysia | Puspanita UTeM Bersama Komuniti Tingkatkan Penguasaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar | Program Motivasi Anak Soleh Anak Pintar | Pintar : Suntik Semangat Transformasi Warga FKM | FKP Anjur Seminar Kesedaran Kepentingan Ergonomik Dalam Industri | Pusat Islam Anjur Program Israk Wal Mikraj | Berita Kelahiran & Perkahwinan | Kontinjen UTeM Siap Sedia Hadapi Saingan Sukum Ke-36 | Personaliti Pilihan

## Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat Tuan Yang Terutama

**29 Jun 2011:** Naib Canselor Prof. Datuk. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dengan diiringi oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman serta pegawai kanan universiti telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka yang juga Canselor UTeM bagi memaklumkan perkembangan dan pencapaian semasa universiti ini.

Pada sesi tersebut, Naib Canselor membentangkan perkembangan terkini UTeM meliputi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan serta perancangan pihak pengurusan universiti pada masa hadapan. Turut dibincangkan pengoperasian Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Hadir sama pada sesi perbincangan tersebut En. Hasan bin Sirun, Pendaftar serta Dr. Radzuan bin Nordin, Pengarah Pusat Islam UTeM.



## UTeM Terima Pengiktirafan Sebagai IPT Pertama Bebas Asap Rokok

**5 Jun 2011:** UTeM telah menerima pengiktirafan dan anugerah sebagai IPT pertama dalam negeri Melaka sebagai premis bebas asap rokok sempena sambutan Minggu Tanpa Tembakau Peringkat Negeri Melaka yang telah diadakan baru-baru ini di Bandaraya Melaka.

Anugerah tersebut ini telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia Dato' Seri Liow Tiong Lai kepada pihak UTeM.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, kejayaan ini merupakan satu penghormatan kepada universiti serta membuktikan bahawa UTeM sentiasa bergerak seiringan bersama dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam mencapai status negeri bebas asap rokok.

Tahniah dan terima kasih kepada semua warga kerja yang menyokong penuh usaha bagi menjadikan UTeM Kampus Bebas Asap Rokok selari dengan Program Melaka Bebas Asap Rokok dengan memberi kerjasama penuh dalam audit yang dijalankan pada 17-30 Mei 2011 yang lalu.



## Naib Canselor Ketuai Cabaran Tawan Gunung Kinabalu

**20 Jun 2011:** Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan mengetuai cabaran menawan Gunung Kinabalu yang turut disertai oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad, pegawai-pegawai dan pemimpin pelajar yang mewakili kelab dan persatuan di UTeM.

Prof. Ahmad Yusoff melahirkan harapan agar ekspedisi ini dapat melahirkan pemimpin pelajar yang tahan lasak, berdaya saing dan berani menghadapi risiko dalam apa jua situasi serta membentuk mahasiswa agar menghayati dan memahami kepentingan kerja berpasukan.

Katanya lagi, ekspedisi yang dianjurkan adalah sebagai salah satu langkah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti yang menguji ketahanan fizikal dan mental.

Terdahulu, satu taklimat ekspedisi dan penyerahan bendera UTeM telah diadakan di Auditorium Canselori, Kampus Induk dan dihadiri oleh pegawai-pegawai serta anggota ekspedisi. Taklimat disampaikan oleh Shaiful Nizam Abdul Karim dan Rusdi Isohot, warga UTeM yang telah berjaya menakluki Gunung Kinabalu sebelum ini.



### Editor BERITA@UTeM

#### KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

#### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

#### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

#### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

#### PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

## Pelajar Sekolah Rasai Pengalaman Istimewa Di Planetarium Melaka

**16 Julai 2011:** UTeM menerusi Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) telah menyumbangkan tiket Planetarium Melaka kepada 20 buah sekolah rendah dan menengah sekitar negeri Melaka sebagai memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Melalui tiket yang disumbangkan, pelajar sekolah rendah dan menengah berpeluang mendalami sains angkasa lepas, astronomi serta ilmu fizik dan sekaligus meningkatkan kefahaman melalui aktiviti serta bahan pameran yang terdapat di situ.

Menurut Pengarah PPKK, Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff berkata, sumbangan tersebut berperanan sebagai motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah untuk memartabatkan ilmu pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya menjadi individu yang cemerlang dalam bidang akademik terutama sekali dalam bidang sains, matematik dan fizik.

Wakil-wakil daripada sekolah yang terlibat turut melahirkan penghargaan kepada UTeM yang sentiasa memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk terhadap pembangunan dan kemajuan masyarakat di negeri ini.

Selepas majlis penyerahan tiket kepada pihak sekolah para guru dan pelajar dibawa masuk ke Planetarium Melaka bagi mengikuti program lawatan sambil belajar serta menonton tayangan 3D yang beronsepan Aero-Angkasa.



## UTeM Dan Lotus Engineering Teroka Peluang Penyelidikan Bersama



**8 Jun 2011:** UTeM dan Lotus Engineering Malaysia baru-baru ini telah mengadakan perbincangan bagi mengenalpasti peluang untuk menjalankan penyelidikan secara bersama.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM, Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail berkata, "Perbincangan yang dijalankan bersama pihak Lotus Engineering dilihat mampu memberi peluang kepada penyelidik UTeM untuk bekerjasama dengan pakar-pakar dalam pelbagai bidang antaranya mekanikal, elektronik, pembuatan dan sebagainya."

Menurutnya lagi, penyelidik UTeM akan menyediakan beberapa kertas cadangan penyelidikan kejuruteraan berteknologi tinggi untuk diusulkan kepada Lotus Engineering sebagai langkah permulaan dalam kerjasama strategik tersebut.

Turut mendapat perhatian wakil Lotus Engineering ialah kemudahan yang terdapat di Pusat Pembuatan Termaju Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) di mana peralatan yang digunakan adalah bertaraf industri dan situasi tersebut memberikan kelebihan kepada kedua-dua pihak untuk bekerjasama dengan lebih erat.

Dalam perbincangan itu, Lotus Engineering diwakili oleh Pengurus Akaun Utama, Stuart Ian Worrow, Jurutera Kanan Nazmi Syahrin Kasmurin dan Ketua Powertrain Lotus Lee Jones.

## UTeM Jadi Hos Seminar Persatuan Badan Berkanun

**11 Jun 2011:** UTeM telah dipilih sebagai hos Seminar Persatuan Badan Berkanun yang telah diadakan di Bandaraya Melaka baru-baru ini. Seminar tersebut dihadiri oleh pemimpin dan ahli-ahli Persatuan Badan Berkanun dari seluruh negara.

Selaku tuan rumah, UTeM turut menganjurkan majlis makan malam bagi meraikan delegasi yang menghadiri seminar tersebut. Majlis diserikan dengan kehadiran Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku Yang Di-Pertua Persatuan Badan Berkanun serta Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka Datuk Wira Hj. Othman Muhammad serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Persembahan kebudayaan masyarakat majmuk di negeri Melaka turut dihidangkan kepada tetamu yang hadir. Kesemua tetamu nyata terhibur dengan persembahan hebat serta berpuashati terhadap penganjuran majlis itu.



## FTMK Laksana CSR Bantu Anak Yatim Dalam ICT



**18 Jun 2011:** Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) meneruskan komitmen mereka terhadap masyarakat dengan menganjurkan Program Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) bersama anak-anak yatim daerah Jasin bagi Modul MS Powerpoint, MS Excel dan pengenalan Internet.

Program yang disertai oleh 30 orang anak-anak yatim diserikan dengan kehadiran Dekan FTMK serta penceramah, fasilitator serta Ahli Jawatankuasa Khidmat Masyarakat FTMK.

Program ICT yang dianjurkan merupakan salah satu tanggungjawab sosial FTMK kepada masyarakat selain turut berperanan untuk meningkatkan semangat motivasi sekaligus menerapkan nilai-nilai murni dalam diri staf fakulti.

Setiap staf yang terlibat dalam penganjuran program ini mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dan bersedia menyumbang secara sukarela demi kemajuan masyarakat setempat.

# Belia Diseru Mantapkan Ilmu Agar Tidak Dipergunakan

25 Jun 2011: Golongan belia di negara ini diseru untuk memantapkan ilmu pengetahuan agar tidak diperalatkan oleh pihak tertentu bagi mencapai matlamat yang bertentangan dengan aspirasi kerajaan.

Saranan tersebut disampaikan oleh Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin ketika ditemubual dalam rancangan Generasi Y terbitan RTM di Angkasapuri.

Dalam rancangan bercorak bual bicara tersebut, Dr. Shahrin diundang sebagai panel akademik manakala pelajar tahun akhir FTMK, Shaik Mohamad Zahir bin Mohamed Farouk sebagai panel mahasiswa membincangkan tajuk "Bagai Lembu Dicumuk Hidung". Rancangan Generasi Y yang disiarkan secara langsung di TV1 dihoskan oleh penyampai Muzik FM Muaz Mohamed.

Sepanjang rancangan tersebut berlangsung, Dr. Shahrin berkongsi pengalaman serta mengingatkan golongan belia agar sentiasa mengkaji baik buruk sesuatu perkara sebelum melaksanakan sebarang tindakan.



## Pelajar Siswazah Lawat Infineon Technologies Kulim

Hasil daripada jalinan kerjasama yang termeterai di antara UTeM dan pihak industri, baru-baru ini seramai 38 orang terdiri daripada pegawai dan pelajar Pusat Pengajian Siswazah (PPS) yang diketuai oleh Dr. Tay Choo Chuan telah mengadakan lawatan industri bertempat di Infineon Technologies, Kulim Kedah.

Melalui lawatan yang dianjurkan, peserta berpeluang untuk berinteraksi dan melihat sendiri kecanggihan teknologi yang digunakan oleh Infineon Technologies dalam menghasilkan produk berasaskan semikonduktor.

Bagi salah seorang peserta lawatan yang merupakan pelajar Sarjana Kejuruteraan Pembuatan, Ilyana Abdullah berkata, lawatan tersebut sangat relevan terhadap bidang pengajian beliau apabila dapat berinteraksi dengan pihak Infineon Technologies dan mempelajari kaedah dan pengendalian yang digunakan oleh mereka.

Menurutnya lagi, program sedemikian sangat bermanfaat kerana dapat melebarkan jaringan kerjasama dengan industri di samping merapatkan hubungan sesama pelajar siswazah UTeM yang terdiri daripada pelbagai negara dan latarbelakang pengajian.



## Gabungan Kepakaran FKM Dan Perodua Hasilkan Kenderaan Jimat Petrol

25 Jun 2011: Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) bergabung kepakaran dengan bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Perodua menghasilkan kenderaan jimat petrol dalam pertandingan "Perodua-Eco Challenge 2011" yang berlangsung di Litar Permotoran Antarabangsa Melaka (MIMC).

Menurut Ketua Jabatan Kejuruteraan Automotif FKM yang juga merupakan Penasihat Teknikal pasukan UTeM, Dr. Muhammad Zahir Hassan berkata, "Perodua-Eco Challenge 2011 mencabar peserta untuk membangunkan sebuah kenderaan yang boleh bergerak sejauh mungkin dengan menggunakan hanya setengah liter petrol."

Jelas beliau, seramai 20 orang pelajar FKM dengan kepakaran khusus terlibat dalam membangunkan sebuah kenderaan yang mempunyai tahap penggunaan bahan bakar yang efisien. Berbekalkan bimbingan dan panduan daripada Bahagian R&D Perodua, pasukan tersebut telah berjaya membina kenderaan seperti yang dirancang.

Menurut Dr. Zahir lagi, pelajar-pelajar yang terlibat melakukan sendiri kerja-kerja merekabentuk, pemasangan, ubahsuai, pandu uji dan sebagainya bagi mencapai matlamat untuk bergerak dengan jarak yang maksimum.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada pengurusan tertinggi UTeM dan Kerajaan Negeri Melaka di atas segala sokongan kepada pasukan FKM bagi menjayakan pertandingan ini dan seterusnya mengharumkan nama universiti sebagai pusat pengajian teknikal tersohor negara.



## UTeM Naib Johan Liga Bola Sepak IPT Kebangsaan Piala Menteri Pengajian Tinggi

22 Jun 2011: Bermain dengan penuh semangat dan penerapan disiplin yang tinggi merupakan formula kejayaan skuad bola sepak UTeM ketika mengakhiri kempen sebagai naib johan Liga Bola Sepak IPT baru-baru ini.

Dalam persaingan peringkat Zon Selatan, UTeM telah muncul sebagai johan dan melayakkan diri ke pusingan akhir yang diadakan di UiTM Perlis. Di peringkat suku akhir, UTeM telah mengenyepikan cabaran Kolej Komuniti Pahang dengan jaringan 3-1 seterusnya melangkah ke separuh akhir untuk bertemu dengan Universiti Sains Malaysia (USM).

Selepas mengenyepikan USM dengan jaringan 1-0, UTeM melangkah ke perlawanan akhir menghadapi pasukan tuan rumah, UiTM Perlis.

Mendahului seawal minit keempat, skuad UTeM meneruskan cabaran menghadapi serangan UiTM Perlis sehingga ke akhir perlawanan. Namun nasib tidak menyebelahi skuad UTeM apabila tewas dengan jaringan 4-3 di tangan UiTM Perlis.

Selaku naib johan, UTeM membawa pulang hadiah berupa pingat serta wang tunai bernilai RM 5,000.



## Pesta Sungai Melaka 2011 Dimeriahkan Dengan Penganjuran Festival Nasyid

23 Jun 2011: Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM dengan kerjasama Perbadanan Sungai dan Pantai Negeri Melaka dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) telah menganjurkan Festival Nasyid sempena Pesta Sungai Melaka 2011 di Taman Rempah, Melaka.

Menurut Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali, program yang diadakan ini merupakan salah satu acara kemasyarakatan yang menyokong kepada pemuliharaan sungai dan pantai daripada mengalami sebarang pencemaran yang semakin meruncing dewasa ini. UTeM menggunakan pendekatan nasyid dalam usaha berdialog dengan masyarakat mengenai penjagaan sungai dan pantai.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu pelajar taska, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah dan kategori terbuka dengan penyertaan yang menggalakkan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kolej-Kolej Komuniti, Politeknik dan agensi-agensi kerajaan Negeri Melaka.

Pemenang telah menerima wang tunai, hamper dan sijil penyertaan. Peringkat saringan telah diadakan pada sebelah pagi dan petang manakala pertandingan akhir diadakan pada sebelah malamnya.



## Lawatan Ilmiah Ke Songkhla Thailand Giatkan Program Mobiliti Pelajar

29 Jun 2011: Lawatan ilmiah oleh 20 orang pelajar yang terdiri dari ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan wakil-wakil kelab dan persatuan serta kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM ke Prince of Songkhla University (PSU) dan Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUT), Thailand telah dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti bagi mengeratkan lagi persefahaman dan pertukaran budaya.

PSU dipilih sebagai destinasi lawatan kerana ia merupakan universiti yang tertua di selatan Thailand yang mempunyai empat kampus yang menawarkan pelbagai program pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat. Manakala RMUT pula merupakan satu-satunya universiti sains dan teknologi yang menawarkan pengajian lanjutan vokasional di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Delegasi UTeM telah diraikan dan diberi penerangan mengenai universiti berkenaan oleh Naib Presiden Bahagian Hubungan Antarabangsa RMUT Dr. Aswin Promsopa. UTeM turut diperkenalkan dengan 10 fakulti yang menawarkan program-program seperti pertanian, agro industri, senibina, pentadbiran perniagaan, kejuruteraan, pengurusan teknologi, sains dan teknologi, veterinar, pelancongan dan sains marin.



## Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2011

18 Jun 2011: Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2011 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Besar UTeM melibatkan penyertaan seramai 717 pelajar dari seluruh negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan 2011 merupakan acara tahunan anjuran Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) serta mendapat sokongan penuh daripada Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan semua Jabatan Pelajaran Negeri. Pertandingan ini merupakan satu-satunya penganjuran pertandingan matematik sekolah menengah peringkat kebangsaan.

OMK 2011 dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori Bongsu bagi tingkatan 1 dan 2, Kategori Muda bagi tingkatan 3 dan 4, manakala Kategori Sulung bagi tingkatan 5, Matrikulasi dan yang setara dengannya.

Seramai 40 peserta OMK 2011 yang memperolehi pencapaian cemerlang akan disenarai pendek dan dipilih menyertai Kem-kem Intensif IMO (International Mathematic Olympiad) kendalian pihak PERSAMA. IMO merupakan pertandingan matematik yang paling berprestij di dunia yang dianjurkan secara tahunan sejak tahun 1959. Di akhir kem intensif tersebut, seramai enam orang pelajar akan mewakili Malaysia dalam pertandingan IMO.



## UTeM Jadi Pilihan Golongan Profesional Lanjutkan Pengajian Peringkat Sarjana & Doktor Falsafah

**27 Jun 2011:** Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) terus menggiatkan usaha menarik minat golongan profesional melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan kedoktoran di UTeM.

Baru-baru ini seramai 20 orang terdiri daripada jurutera dan pihak pengurusan Infineon Technologies Melaka telah menghadiri sesi taklimat mengenai peluang melanjutkan pengajian yang disampaikan oleh Dr. Tay Choo Chuan dan Dr. Jariah binti Juoi.

Sesi taklimat yang diadakan bertujuan memperkenalkan UTeM kepada golongan tersebut di samping memberi panduan mengenai prosedur melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Dr. Tay telah memberi penerangan mengenai jenis-jenis kursus yang ditawarkan oleh PPS manakala Dr. Jariah berkongsi ilmu dengan hadirin berkaitan cara-cara penulisan kertas cadangan projek.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan pihak PPS mengharapkan hubungan erat yang terjalin antara UTeM dan Infineon technologies akan dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak.



## UTeM Jadi Venue Acara Berbasikal Lasak Waktu Malam Terbesar Di Malaysia

**30 Jun 2011:** Kampus Induk UTeM bakal tercatat dalam kalendar peminat aktiviti lasak apabila dipilih sebagai venue rasmi bagi acara berbasikal lasak waktu malam terbesar di Malaysia pada tahun ini yang akan berlangsung pada 1 Oktober 2011.

Menurut Pengerusi Environment Cycling Club (ECC) Wee Yik Chuang, pada sidang media yang diadakan berkata, acara yang dinamakan "ECC MTB Nite Jamboree 2011 – Burung Hantu Ride" merupakan himpunan peminat aktiviti basikal lasak dari seluruh negara termasuk penyertaan dari Australia, Singapura, Thailand, Jepun dan beberapa negara Asia lain.

Wee berkata, "Kemudahan sukan serta trek lasak semulajadi menjadikan Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal lokasi paling sesuai untuk menganjurkan acara yang sangat dinantikan oleh peminat basikal lasak dari dalam dan luar negara.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam satu kenyataan berkata, penganjuran aktiviti Burung Hantu Ride di kampus universiti itu bakal memberi pengalaman baru kepada peminat basikal lasak yang akan menempuh laluan ladang kelapa sawit yang merupakan sebahagian kawasan kampus UTeM.



## Puspanita UTeM Bersama Komuniti Tingkatkan Penguasaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar

**3 Jun 2011:** Puspanita Cawangan UTeM telah menganjurkan Program 'English Summer Camp' sempena cuti sekolah baru-baru ini di Kem Modal Insan Homestay Parit Penghulu, Sungai Rambai Melaka.

Menurut Pengerusi Program, Dr. Mariana binti Yusoff berkata, objektif utama program terbabit adalah untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris selaras dengan keperluan masa kini yang amat menuntut penggunaan bahasa tersebut. Program itu juga memupuk keyakinan kepada peserta untuk bertutur dan mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris dengan betul.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti persembahan kumpulan, 'treasure hunt', serta 'explorace' yang mampu meningkatkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris peserta.

Dengan adanya penganjuran program seperti ini ianya dapat mendidik peserta untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris bagi keperluan mereka di masa hadapan serta dapat mencapai objektif program membentuk pelajar yang beryakinan berkomunikasi dalam bahasa tersebut.



## "Program Motivasi Anak Soleh Anak Pintar" Inisiatif Universiti Tabur Bakti Kepada Warga Kerja



**6 Jun 2011:** Pusat Islam telah menganjurkan Program Motivasi Anak Soleh Anak Pintar bersempena musim cuti untuk anak-anak staf UTeM bagi meningkatkan lagi ilmu dan penghayatan Islam sebagai cara hidup masa kini.

Menurut Pengarah Program, Ustaz Aswanzie Abbyd bin Zainal berkata, antara objektif utama program ini ialah untuk membimbing peserta melalui kaedah pembelajaran asas Fardu Ain.

Tambah beliau lagi, peserta diberi bimbingan tentang solat dan kaedah membaca Al-Quran yang berkesan. Tambahan kepada bimbingan tersebut, peserta diterapkan dengan nilai-nilai murni melalui pembelajaran akhlak dengan melakukan pelbagai aktiviti yang menarik.

Pusat Islam juga berharap agar program seperti ini dapat memberi pengetahuan yang luas kepada anak-anak staf, berpengetahuan dalam Fardu Ain dan kesedaran supaya menjadi insan yang mulia di kemudian hari nanti.



## PINTAR : Suntik Semangat Transformasi Warga FKM

17 Jun 2011 : Tiba giliran warga Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) terlibat dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini.

Naib Canselor, Y. Bhg. Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut. Melalui ucapannya, beliau menyeru warga FKM agar menghayati semua aktiviti yang dijalankan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari sekembalinya ke universiti nanti.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit memberi cabaran getir pada kali ini apabila peserta terpaksa memerah keringat menempuh ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan semasa program berlangsung ialah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian. Program yang dianjurkan oleh Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai kanan UTeM yang hadir sebagai fasilitator untuk membimbing para peserta.



## FKP Anjur Seminar Kesedaran Kepentingan Ergonomik Dalam Industri



30 Jun 2011: Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bertajuk "Ergonomics Awareness To Safeguard Productivity, Safety and Health of Industry" bertempat di Auditorium Canselor, Kampus Induk UTeM.

Menurut Dr. Mohd Rizal Salleh, Dekan FKP berkata, seminar sebegini merupakan satu platform yang boleh menghuraikan secara terperinci akan kepentingan ergonomik yang seharusnya dipraktikkan secara menyeluruh di dalam industri.

Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Jalaludin Dahalan yang merupakan seorang pengamal serta konsultan dalam bidang ergonomik.

Antara intipati ceramah beliau menyentuh hubungkait serta peranan ergonomik terhadap peningkatan produktiviti dalam industri. Beliau juga turut berkongsi teknik dan penyelesaian ergonomik secara praktikal bersama peserta di sini.

## Pusat Islam Anjur Program Israk Wal Mikraj


16 Jun 2011: Pusat Islam menganjurkan Program Israk Wal Mikraj bertempat di Masjid UTeM yang dihadiri oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Menurut Pengarah Program Azly Hisyam Bin Haron, objektif utama program terbabit ialah memperingati sejarah Islam, yang secara langsung dapat memperkasakan akidah melalui penghayatan peristiwa Israk dan Mikraj.

Program Israk Wal Mikraj pada malam itu turut menyentuh perpektif astronomi menurut pandangan Islam. Lantaran itu para tetamu yang hadir turut berpeluang mencerap bintang menerusi teleskop yang disediakan.

Selain daripada program ceramah, turut diadakan pameran, rawatan kesihatan, pertandingan uji minda seperti teka silang kata dan mewarna yang melibatkan warga UTeM dan anak-anak staf juga turut diadakan dan mendapat sambutan menggalakkan.

Justeru itu pihak Pusat Islam mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menjayakan majlis sambutan Israk Wal Mikraj tahun ini dan mengharapkan semua staf dapat menghayati dan mendapat manfaat daripada program yang dianjurkan.



Nama Staf : Yang Sarinah Binti Mohd Talib (PPKK)  
Nama Anak : Amanda Marissa binti Mohd Fuad  
Tarikh Lahir : 5 Jun 2011

*Kelahiran Jun 2011*



**MOHD NIZAM BIN MAZLAN**  
KETUA PENOLONG PENDAFTAR  
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)

Mohd Nizam Mazlan merupakan antara staf terawal ketika UTeM ditubuhkan kira-kira sedekad yang lalu. Dibesarkan di Banda Hilir Melaka, beliau kini memegang jawatan selaku Ketua Penolong Pendaftar di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Seorang penggemar aktiviti rekreasi dan sukan lasak, Nizam sangat aktif menyertai ekspedisi pendakian gunung yang dianjurkan oleh Kelab Kembara UTeM. Menyingkap pengalamannya ketika mendaki Gunung Korbu, Nizam tidak akan melupakan detik-detik sukar yang dihadapinya dan ahli ekspedisi lain untuk sampai ke puncak.

Pada ketika ini Nizam juga memegang jawatan Pegawai Kehormat Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) UTeM dengan pangkat ASP.



**RAIHANA BINTI MD KASIM**  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
PUSAT KOMPUTER

Raihana memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2004 dan kini bertugas di Jabatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu dan URIS di Pusat Komputer. Berasal dari Kota Tinggi Johor, beliau merupakan graduan dalam bidang teknologi maklumat Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Ibu kepada 6 orang cahaya mata ini amat meminati sukan bola jaring serta boling padang. Minat serta semangatnya kepada sukan tersebut menjadikan Raihana salah seorang atlet yang mewakili Pusat Komputer dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) pada tahun-tahun sebelumnya.

Di masa lapang, Raihana akan menghabiskan masa bersama keluarga melancong ke destinasi percutian di dalam negara. Pulau Langkawi merupakan destinasi kegemaran beliau untuk meluangkan masa dengan ahli keluarga di samping menikmati keindahan pantai yang indah.

28 Jun 2011: Laungan "UTeM boleh!" bergema di Dewan Sukan UTeM, Kampus Induk Induk bersempena Majlis Penyerahan Bendera kepada kontinjen universiti ini yang akan bertanding di Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) kali ke-36.

UTeM selaku tuan rumah SUKUM edisi ke-36 pada tahun ini berazam untuk memberi saingan paling sengit kepada 20 kontinjen lain yang akan menyertai temasya sukan tersebut bermula 8 hingga 17 Julai depan.

Menurut Ketua Kontinjen UTeM, Khairul Taib berkata, UTeM akan menyertai semua acara yang dipertandingkan iaitu sebanyak 24 acara yang melibatkan penyertaan seramai 207 orang atlet dan 21 pegawai pasukan terdiri daripada staf di pelbagai jabatan.

UTeM mensasarkan kedudukan tiga teratas dalam senarai kontinjen yang bertanding dan perkara tersebut tidak mustahil berdasarkan semangat yang ditunjukkan oleh para atlet.

Dalam pada itu, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika menyampaikan amanat di hadapan atlet berkata, temasya sukan yang dianjurkan itu merupakan platform untuk membina hubungan erat dalam kalangan staf universiti yang bertanding.

Katanya lagi, selaku tuan rumah, atlet UTeM seharusnya menonjolkan semangat persaingan yang tinggi serta menjauhi perlakuan yang tidak mencerminkan perpaduan sukan. Di samping itu, tambahnya lagi, semangat positif serta keyakinan yang jitu perlu diterapkan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Dr. Ahmad Yusoff kemudiannya menyaksikan lafaz ikrar kontinjen UTeM yang diketuai oleh Shahrhan Moksen dan seterusnya diperkenalkan kepada atlet yang mewakili universiti pada kejohanan itu nanti.

SUKUM ke-36 akan berlangsung di UTeM serta beberapa lokasi lain antaranya Kompleks Sukan Stadium Hang Jebat, Kompleks Sukan Kementerian Belia dan Sukan di Ayer Keroh, Dewan Badminton MAKSAK di Batu Berendam serta kawasan sekitar Durian Tunggal bagi acara berbasikal.

# KONTINJEN UTeM

## Siap Sedia Hadapi Saingan Sukum Ke-36

